

23/12/2003

Orang ramai boleh sumbang koleksi Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Orang ramai yang memiliki koleksi peribadi berkaitan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad supaya mendermakannya kepada Arkib Negara.

Ketua Pengarah Arkib Negara, Rahani Jamil berkata ini bertujuan menambah dan mempelbagaikan koleksi pameran di Galeria Sri Perdana yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Sri Abdullah Ahmad Badawi, Sabtu lalu.

"Kita mengalu-alukan sumbangan orang ramai supaya dapat kita pelihara dan berkongsi untuk pengetahuan bersama," katanya pada sidang akhbar di Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri, anjuran Arkib Negara di sini, semalam.

Mengulas sambutan orang ramai terhadap pembukaan rumah kediaman bekas Perdana Menteri itu, Rahani berkata setakat ini sambutan amat menggalakkan, kerana ketika ini musim cuti sekolah.

Rahani berkata, pihaknya akan sentiasa memperbaiki dan mempertingkatkan kemudahan galeri dari semasa ke semasa untuk keselesaan dan kepuasan pengunjung.

"Kami tahu pengunjung yang datang mengharapkan pengalaman dan pengetahuan yang baru, dan untuk itu kami berusaha memberikan yang terbaik untuk galeri ini," katanya.

Berikutan itu, Arkib Negara juga menyediakan pelbagai kemudahan seperti kafeteria, kedai menjual cenderamata, audio-visual, skrin sentuh dan lain-lain lagi.

Selain itu, Arkib juga merancang mempromosikan galeri ini ke peringkat antarabangsa dan global.

"Kita juga mahu jadikan galeri ini sebagai salah satu daya tarikan pelancong asing. Mereka tentu mahu tahu kehidupan bekas Perdana Menteri kita yang amat disegani di seluruh dunia," katanya.

Pihak arkib juga menyatakan rasa terima kasih kepada wakil media cetak dan elektronik yang banyak membantu mempromosikan galeri ini hingga mendapat sambutan ramai.